



**PROGRAM
INTERVENSI KEROHANIAN
TERHADAP GOLONGAN LGBT
OLEH JAKIM**

LATAR BELAKANG

Menurut Blanch Consulting



Lesbian didefinisikan sebagai seorang perempuan yang tertarik secara emosional/seksual/ fizikal terhadap perempuan yang lain.



Gay pula merujuk kepada seorang lelaki yang tertarik secara emosional/seksual/ fizikal terhadap lelaki yang lain.



Bisexual merujuk seseorang yang tertarik emosional/seksual/ fizikal terhadap lelaki dan perempuan



Transgender pula didefinisikan sebagai seseorang yang identiti jantina atau ekspresi jantinya berlawanan atau bertentangan dengan norma tradisi serta ciri fizikal seksualnya.

Perry N. Halkitis et.al., *The Meanings and Manifestations of Religion and Spirituality among Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender*, Journal Adult Development 16 (2), 2009, 302.

GOLONGAN LGBT DI MALAYSIA

1

Golongan pertama iaitu yang telah berubah dan memerlukan sokongan daripada keluarga dan masyarakat

2

Golongan kedua iaitu yang masih terlibat, namun wujud rasa penyesalan dalam diri dan sedang berusaha bermujahadah melawan naluri abnormal. Masyarakat harus memberikan bimbingan dan sokongan serta mengelakkan diri daripada memberi tohmahan kepada mereka

3

Golongan ketiga iaitu yang meyakini naluri abnormal ini telah ditakdirkan dan akan menjalani kehidupan sebagaimana yang telah ditakdirkan Allah SWT. Golongan LGBT dalam kategori ini perlu ditangani melalui dialog dan berhujah dengan mereka berdasarkan pendekatan yang hikmah.

PERANAN JAKIM

- Isu-isu yang melibatkan golongan LGBT dalam negara khususnya transgender sebelum ini **kebanyakannya ditangani daripada aspek penguatkuasaan undang-undang** yang dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN). Tindakan juga berdasarkan aduan daripada masyarakat berkaitan salahlaku golongan ini seperti menjalankan aktiviti tidak bermoral di kawasan awam. Oleh itu, disamping aspek penguatkuasaan undang-undang, **Jakim mengambil inisiatif mendekati golongan ini dengan melaksanakan aktiviti temuseru (*outreach*)** ke kawasan yang dikenalpasti serta mengajak mereka menyertai **program rawatan dan pemulihan (*'ilaj wa syifa'*)** secara sukarela.
- Pendekatan ini adalah selaras dengan saranan Jum'ah Amin Abdul Aziz dalam Fiqh Dakwah yang mengulas agar **memberi peluang kepada mereka yang melakukan dosa dan maksiat untuk memperbaiki diri** dan mendapatkan pengampunan Allah. Beliau menukilkan hadis riwayat Imam Tirmidzi yang bermaksud *"Janganlah engkau mencela saudaramu (kerana dosa dan maksiatnya) sehingga Allah merahmati dia dan menguji kamu."*
- Jum'ah Amin Abdul 'Aziz, *Al Da'wah, Qawaid wa Usul*, terj. Abdus Salam Masykur (Indonesia : PT Era Adicitra Intermedia, 2011), 239-240.

JUSTIFIKASI

- Program intervensi kerohanian terhadap golongan ini perlu dilaksanakan secara berkala dan berterusan kerana Statistik Kementerian Kesihatan juga menunjukkan berlaku **peningkatan yang ketara terhadap kes HIV yang berpunca daripada aktiviti seks sejenis** melibatkan golongan Transgender dan *Man Sex With Man* (MSM). Usaha ini adalah **selaras dengan prinsip syariah *Sadd al Zari'e*** iaitu proses mencegah sesuatu perkara yang telah diharamkan oleh syarak.
- Kertas Kerja Persidangan HIV/AIDS 2015, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 48.
- Kertas Kerja Persidangan Islam dan HIV/AIDS 2012, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 149

JUSTIFIKASI

Trend of HIV Prevalence among Key Populations : Result From IBBS 2009 – 2014

Key Population	2009	2012	2014
PWID (People Who Inject Drugs)	22.1	18.9	16.6
FSW (Female Sex Worker)	10.5	4.6	7.3
TG (Transgender)	9.3	4.8	5.6
MSM (Man Sex With Man)	3.9	7.1	8.9

PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM

- Dalam hal ini, Jakim mula menganjurkan **program rawatan dan pemulihan (*l'aj Wa Syifa'*)** berbentuk perkhemahan 3 hari 2 malam (Mukhayyam) pada Mei 2011 terhadap golongan Transgender (Mak Nyah) di bawah kelolaan bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK). Pelaksanaan program ini adalah **selaras dengan Teras 4, Pelan Strategik Jakim 2015-2019** yang bertujuan memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan *khaira ummah*. Ia juga adalah **selaras dengan Indeks Syariah Malaysia** yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Ogos 2014 di bawah salah satu daripada 8 bidang utama iaitu **kesejahteraan sosial**.
- Laporan Program Kesejahteraan LGBT, Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jakim.
- Plan Strategik Jakim 2015-2019, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Info Ringkas Indeks Syariah Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1-2. <http://indekssyariah.com/my/apa-itu-maqasid-syariah/bidang-bidang-utama-ism>.

PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM

Objektif Program

- Program Mukhayyam ini dilaksanakan dengan objektif seperti berikut :
- Membimbing dan memberikan kesedaran kerohanian/spritual terhadap golongan LGBT melalui pendekatan agama (tauhid) untuk mereka menghadapi cabaran hidup serta kembali kepada kehidupan fitrah.
- Memberikan pendedahan dan bimbingan ilmu fardu ain kepada golongan ini bagi melaksanakan tuntutan agama.
- Memberikan pengetahuan dan kesedaran berkaitan kesihatan khususnya HIV dan lain-lain penyakit berjangkit.
- Memberikan bimbingan motivasi serta kemahiran mempertingkatkan jatidiri.
- Menghapuskan stigma dan diskriminasi antara komuniti ini dengan golongan agama serta masyarakat sekeliling.
- Laporan Program Kesejahteraan LGBT, Jakim.

PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM

Modul/Manual Berkaitan yang Digunapakai

- Pelaksanaan program ini adalah berpandukan garis panduan yang disediakan di dalam **Manual Islam Dan Mak Nyah** yang diterbitkan oleh Jakim pada tahun 2013. Penerbitan manual ini bertujuan menjadi bahan rujukan latihan agar dapat dimanfaatkan oleh semua sukarelawan dan NGO Islam. Melalui manual ini diharapkan akan lahir sukarelawan dan pemimpin Islam, NGO, serta individu yang memahami dan berilmu bagi memudahkan untuk melaksanakan pelan tindakan dalam menangani isu LGBT khususnya Mak Nyah. Isi kandungan modul ini termasuklah Pengenalan Asas Mak Nyah, Mak Nyah Dari Perspektif Islam, Profil, Demografi dan Isu-Isu Mak Nyah, Rawatan Dan khidmat Sokong Bantu dan Plan Tindakan.
- *Manual Islam dan Mak Nyah*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013.

PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM

Pengisian/ Jadual Program

- Pengisian program ini adalah berteraskan **5 elemen** atau komponen iaitu Kesedaran Kerohanian/Spiritual, Pengetahuan Asas Agama seperti akidah dan fardu ain, Motivasi Diri dan Kerjaya, Kesedaran Kesihatan seperti HIV, penyakit berjangkit dan lain-lain, dan Aktiviti Kecergasan Fizikal atau *outdoor*. Walaubagaimanapun, penekanan utama diberikan terhadap elemen bimbingan dan kesedaran kerohanian seperti slot Mengenali Kelebihan Manusia, Matlamat dan Pengkahiran Kehidupan, Iktibar Kematian, serta Terapi Zikir dan Solat. Pada masa tertentu, Mak Nyah juga dibawa untuk solat berjamaah bersama masyarakat serta melakukan aktiviti khidmat sosial sepanjang program bagi mengikis stigma di antara Mak Nyah dan masyarakat.

PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM

- Elemen/Komponen Pengisian Mukhayyam Jakim



PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM

- Secara umumnya, pengisian program yang dilaksanakan adalah menepati salah satu daripada **prinsip dakwah *Al-Ta'rif Qabla al-Taklif*** iaitu memperkenalkan sebelum memberikan tanggungjawab seperti yang dinyatakan oleh Jum'ah al- Amin. Beliau menggariskan 4 perkara yang perlu didedahkan terlebih dahulu iaitu mengenalkan kepada manusia tentang Tuhan agar mereka beribadah kepadanya, mengenalkan tentang diri agar mereka memahami matlamat kewujudan, mengenalkan tentang alam semesta agar mereka memakmurkannya dan mengenalkan mereka tentang pengakhiran hidup yang pasti iaitu kematian dan hari akhirat.
- Jum'ah Amin Abdul 'Aziz, *Al Da'wah, Qawaid wa Usul*, 285.

PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM




PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM



PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM



PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM



PROGRAM MUKHAYYAM JAKIM



<http://www.malaysiandigest.com/frontpage/282-main-tile/577124-i-was-a-mak-nyah-and-rehab-made-me-see-how-far-i-have-strayed-away-from-my-religion.html>